

NAMA:

TINGKATAN:

TARIKH:

**LATIHAN****Soalan Objektif**

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai.

- 1 Berikut merupakan kegunaan dokumen perniagaan dalam sesebuah perniagaan **kecuali**
- A sebagai peringatan kepada peniaga tentang hutang yang perlu dijelaskan.
 - B sebagai bukti bertulis tentang berlakunya suatu urusan niaga.
 - C untuk tujuan pemeriksaan taksiran cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.
 - D sebagai rujukan utama penyediaan Penyata Kewangan perniagaan pada akhir tahun.

- 2 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu jenis dokumen perniagaan:

- Digunakan dalam urusan niaga secara kredit.
- Diskaun niaga dan diskaun tunai dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ini.

Dokumen manakah menepati pernyataan-pernyataan di atas?

- A Resit rasmi
 - B Invois
 - C Memo
 - D Slip mesin daftar tunai
- 3 Pasangan urusan niaga dan dokumen sumber yang manakah dipadankan dengan **betul**?

	Urusan niaga	Dokumen sumber
A	Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga	Baucar pembayaran
B	Barang rosak dipulangkan kepada pembekal	Nota kredit
C	Caj angkutan dikenakan atas belian barang niaga	Invois
D	Pembayaran upah kepada penjaga kedai	Makluman kredit

- 4 Berikut ialah dialog antara pembekal dengan pembeli:

Saruddin: Encik Farhan, saya memulangkan 80 botol kosong minuman soya kepada awak.
Farhan: Baik, Encik Saruddin, setiap botol kosong yang dikembalikan akan diberikan potongan RM0.50 daripada harga invois.

Apakah dokumen perniagaan yang perlu dikeluarkan oleh Encik Farhan kepada Encik Saruddin?

- A Nota debit asal
 - B Nota debit salinan
 - C Nota kredit asal
 - D Nota kredit salinan
- 5 Syarat 'K. & K. di K.' yang dinyatakan dalam invois menunjukkan bahawa
- A butiran boleh dibetulkan melalui nota debit atau nota kredit.
 - B butiran boleh dibetulkan melalui makluman debit atau kredit.
 - C penjual tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan dan kerosakan barangan.
 - D pembeli hanya boleh menuntut gantian barangan rosak dalam tempoh masa yang telah dipersetujui antara pembekal dengan pembeli.
- 6 Mengapakah penyata akaun dikeluarkan oleh pembekal kepada pembeli?
- A Untuk menunjukkan baki tunai di bank.
 - B Untuk memberikan ringkasan urusan niaga kepada pembeli.
 - C Untuk menggalakkan pembeli membuat pembelian secara kredit.
 - D Untuk menggalakkan pembeli membuat pembelian secara tunai.

Soalan 7 dan soalan 8 adalah berpandukan invois di bawah.

SALINAN		INVOIS		No. dokumen: INV4021	
Sharina Trading Lot 4, Blok A, Taman Bunga Emas, 89740 Kuala Penyu, Sabah. 087-834 6769					
Kepada: Kedai Elektrik Lucy Tkt 2, Bangunan Suria, 89740 Kuala Penyu, Sabah.				Tarikh: 23 Julai 2016	
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	
1.	Seterika Jenama King	42.00	20	840.00	
2.	Periuk Nasi Jenama Bagus	75.00	8	600.00	
				1 440.00	
Tolak Diskaun Niaga 10%				144.00	
JUMLAH				1 296.00	
Ringgit: <u>Satu ribu dua ratus sembilan puluh enam sahaja</u> Syarat pembayaran: 10% 14 hari, 5% 30 hari Angkutan dibayar K. & K. di K.					
<u>Lucy</u> (Penerima)			<u>Sharina</u> (Pengurus)		

- 7 Pernyataan yang manakah menerangkan urus niaga di atas?
- Sharina Trading menjual barangan elektrik kepada Kedai Elektrik Lucy secara tunai.
 - Sharina Trading menjual barangan elektrik kepada Kedai Elektrik Lucy secara kredit.
 - Kedai Elektrik Lucy menjual barangan elektrik kepada Sharina Trading secara tunai.
 - Kedai Elektrik Lucy menjual barangan elektrik kepada Sharina Trading secara kredit.
- 8 Ketika memeriksa senarai harga, didapati harga sebuah seterika sebenarnya ialah RM45 sebuah tetapi tersilap rekod sebagai RM42 dalam invois.
Apakah dokumen sumber yang digunakan untuk membetulkan kesilapan tersebut?
- Nota debit
 - Nota kredit
 - Makluman debit
 - Makluman kredit
- 9 Pada 14 Jun 2016, Nancy membeli barangan berharga RM5 600 secara kredit daripada Kedai Mesra. Syarat diskaun tunai ialah 10% 7 hari, 5% 14 hari.
Pada 16 Jun 2016, Nancy mengembalikan barangan berharga RM900 kerana salah jenama.
Jika Nancy menjelaskan invois pada 22 Jun 2016, berapakah amaun wang yang perlu dibayar kepada Kedai Mesra?
- RM4 230
 - RM4 465
 - RM5 040
 - RM5 320
- 10 Apakah tujuan utama diskaun tunai diberikan kepada pelanggan?
- Menggalakkan pembayaran hutang dengan segera.
 - Mendorong pelanggan membeli dalam kuantiti yang banyak.
 - Mengelakkan pelanggan membuat pembelian secara kredit.
 - Menyediakan kemudahan pembayaran hutang yang fleksibel.